



## PROMOSI DEPOSIT TETAP-i DALAM TALIAN

Dikemas kini pada 27 September 2021

### TEMPOH PROMOSI

“Promosi Deposit Tetap-i Dalam Talian” (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad [200501009144 (686191-W)] (“HLISB”) (dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 1 Oktober 2021 dan berakhir pada 31 Disember 2021, termasuk kedua-dua tarikh, atau apabila mencapai jumlah saiz dana seperti yang dinyatakan dalam Klausus 11 di bawah, mengikut mana-mana yang dahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### Terma & Syarat

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut (“T&S”):

### KELAYAKAN

1. Promosi terbuka kepada individu yang merupakan pemegang akaun bagi Akaun Semasa atau Simpanan Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) / Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB (“CASA/CASA-i”) dan yang telah mendaftar diri untuk Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect dan Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect (“Hong Leong Connect”) sebelum atau semasa Tempoh Promosi (“Pelanggan”). Pelanggan layak membuka dan mengendalikan Akaun Deposit Tetap-i Dalam Talian (“eFD-i”) (“Akaun eFD-i”) melalui Hong Leong Connect.  
Bagi mengelakkan keraguan, (i) Pelanggan baharu bermaksud pelanggan yang membuka CASA/CASA-i baharu dengan Bank dan pada pertama kali, membuka dan mengendalikan Akaun eFD-i melalui Hong Leong Connect semasa Tempoh Promosi dan (ii) pemegang CASA/CASA-i bersama **TIDAK** layak membuka atau mengendalikan Akaun eFD-i dan **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
2. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai atau akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.

### KAEDAH PROMOSI

3. Pelanggan yang membuat peletakan eFD-i melalui Hong Leong Connect bagi amaun antara Amaun Peletakan eFD-i Minimum sehingga Amaun Peletakan eFD-i Maksimum (“Amaun eFD-i”) ke dalam Akuan eFD-i yang baharu atau sedia ada masing-masing bagi Tempoh berkenaan yang ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah ini semasa Tempoh Promosi adalah berhak menikmati Kadar Promosi eFD-i sepadan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Tempoh	Kadar Promosi eFD-i <sup>1</sup>	Amaun Peletakan eFD-i Minimum	Amaun Peletakan eFD-i Maksimum
3-bulan	2.30% setahun	RM10,000	RM2,000,000
6-bulan	2.35% setahun		
12-bulan	2.40% setahun		
18-bulan	2.40% setahun		
24-bulan	2.40% setahun		

<sup>1</sup> Sekiranya ada perubahan Kadar Dasar Semalam (OPR), Kadar Promosi eFD-i akan disemak semula.

4. Pelanggan yang telah memenuhi kriteria dalam Klausus 3 di atas dirujuk sebagai “Pelanggan Layak”.
5. Bagi tujuan Promosi ini, semua peletakan deposit eFD-i mestilah daripada bank lain melalui Financial Process Exchanges (“FPX”). FPX adalah suatu cara pembayaran selamat dalam talian yang memudahkan pindahan dana antara bank, dipermudahkan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (“PayNet”). Butiran lanjut berkaitan dengan FPX boleh disemak di <https://www.paynet.my/business-fpx.html>

6. Kadar Promosi eFD-i diterima pakai untuk satu (1) kali sahaja, iaitu hanya dipakai semasa peletakan awal eFD-i. Pada tamat tempoh, sebarang pembaharuan automatik Amaun Peletakan eFD-i pokok akan tertakluk kepada kadar semasa eFD-i.
7. Amaun deposit maksimum setiap transaksi melalui FPX ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000)** atau tertakluk kepada amaun maksimum / had pindahan ditetapkan dalam perbankan internet individu Pelanggan Layak yang diselenggarakan dengan bank berkenaan.
8. Pemprosesan peletakan eFD-i mungkin mengambil masa sehingga dua (2) hari berkerja dan dengan itu, tarikh efektif peletakan eFD-i hendaklah bermula selepas prosesnya berjaya disempurnakan dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan atau kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak kerana masa yang diperlukan untuk memproses peletakan.
9. Kadar Promosi eFD-i dapat dinikmati Pelanggan Layak bagi peletakan yang dibuat menerusi Hong Leong Connect antara 6:00 pagi dengan 12:00 tengah malam, tujuh (7) hari seminggu, atau dalam waktu yang ditetapkan oleh Bank di Hong Leong Connect atas dasar siapa cepat dia dapat. Untuk mengelakkan keraguan, peletakan eFD-i mesti dihantar selewat-lewatnya pada pukul 12:00 tengah malam agar peletakan diterima.
10. Jumlah saiz dana untuk Promosi ini adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 di bawah (“Had Saiz Dana”).

Jadual 2

eFD-i	Had Saiz Dana
eFD-i 3-bulan	RM800 Juta
eFD-i 6-bulan	RM1 Bilion
eFD-i 12-bulan	RM1 Bilion
eFD-i 18-bulan	RM100 Juta
eFD-i 24-bulan	RM100 Juta

Nota: Had Saiz Dana adalah gabungan saiz dana untuk Akaun Deposit Tetap Dalam Talian dan Akaun Deposit Tetap-i Dalam Talian

11. Jika Amaun Peletakan eFD-i melebihi Amaun Peletakan Maksimum eFD-i yang ditetapkan atau Had Saiz Dana dicapai, Amaun Peletakan eFD-i yang melebihi Amaun Peletakan Maksimum eFD-i yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar eFD-i semasa.
12. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan CASA/CASA-i yang diselenggarakan dengan Bank di bawah nama individu Pelanggan Layak (“**CASA/CASA-i” Namaan**) bagi tujuan mengkreditkan keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini. Keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang.
13. Pada tarikh matang, Amaun Peletakan eFD-i pokok akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa eFD-i masing-masing atau pengeluaran auto dan dikreditkan ke CASA/CASA-i Namaan, yang telah dipilih oleh Pelanggan Layak semasa peletakan.
14. Jika Amaun Peletakan eFD-i dikeluarkan sebelum tempoh matang, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, tiada keuntungan akan dibayar bagi amaun pengeluaran pramatang eFD-i, tanpa mengira bilangan bulan yang lengkap pada masa pengeluaran sebelum tarikh matang.
15. Bank berhak menolak balik dan debit amaun setara dengan keuntungan yang dibayar bagi eFD-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun pokok Akaun eFD-i.
16. Pelanggan bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran eFD-i sebelum tarikh matang.
17. Tertakluk kepada fasal 15 Terma dan Syarat Promosi, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan eFD-i dibenarkan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika



baki dalam eFD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut.

18. Amaun Peletakan eFD-i **TIDAK** boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.

## **UMUM**

19. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan bersetuju:

- (i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Promosi, Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam dan Terma & Syarat Hong Leong Connect;
- (ii) keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan;
- (iii) mengakses laman sesawang HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (dirujuk sebagai "**Laman Sesawang Bank**") secara kerap untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat;
- (iv) keuntungan yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau manfaat semacamnya; dan
- (v) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.

20. Bank berhak:

- (i) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang dianggap sesuai oleh Bank daripada menyertai Promosi ini;
- (ii) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian Terma & Syarat terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara menyiarannya dalam Laman Sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank, pada bila-bila masa dengan memberi notis awal; dan
- (iii) membatakan keuntungan yang diperoleh sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam.

21. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Umum Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Deposit Tetap-i Hong Leong dan Terma & Syarat Hong Leong Connect hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

22. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Sesawang Bank akan diutamakan.

23. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.

24. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Produk Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**